

Headline	Ammar, Khairul jagoan TNB		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	11 Oct 2016	Readership	3,812,000
Circulation	1,270,667	Page No	55
Section	Arena	Journalist	Mohamad Zulhairie
ArticleSize	217 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 25,548		



# Ammar, Khairul jagoan TNB

**Mohamad Zulhairie Manzaidi**  
 sukan@hmetro.com.my



**AMMAR dan Khairulddin (kiri) mempamerkan replika cek dimenangi.**

**Kuantan:** Persembahan ber-tenaga menjadi kelebihan kepada gandingan Ammar Farudi Anuar-Mohd Khai-rulddin Mohd Nawi untuk mudah menjinak lawan bagi menjulang kejuaraan kejohanan badminton Kelab Kilat Tenaga Nasional Berhad (TNB) Kuantan di dewan badminton Taman Polo, di sini, baru-baru ini.

Pada perlawanan akhir mereka mudah menundukkan beregu Enche Zaka-ria-Mahadie Mohamad 21-17, 21-19 dalam masa ki-ra-kira setengah jam.

Bagi kategori wanita se-perti diramal juara dimiliki pasangan pilihan Laily Ebram-Suzana Saad yang menewaskan beregu Airina Abu Samah Nazaliah Abu Hassan 21-13, 21-11.

Juara lelaki dan wanita

membawa pulang hadiah RM400 dan hamper se-mentara naib johan me-nerima RM200 dan ham-per.

Kejohanan itu menarik penyertaan sebanyak 16 be-regu lelaki dan lapan beregu wanita terdiri daripada ka-kitangan TNB Kuantan dan ahli Kelab Kilat TNB yang bertugas di beberapa baha-gian.

Bagi Ammar Farudi, ke-jayaan pada kejohanan kali ini menambahkan lagi se-mangatnya untuk terus me-

nyertai pertandingan bad-minton peringkat daerah dan negeri anjuran TNB pada masa akan datang.

Menurutnya, persefaha-man yang baik dengan Khai-rulddin menjadi kelebihan kepada mereka menjinak-kan lawan yang tidak kurang hebatnya apabila berjaya melangkah ke perlawanan akhir.

"Tentangan sengit lawan pada set pertama menggugat tumpuan kami namun de-nan pengalaman yang ada akhirnya lawan dapat diji-

nakkan dalam masa kira-ki-ra 30 minit.

"Saya harap kejayaan ini dapat diteruskan pada per-tandingan akan datang da-lam usaha mencerahkan pe-luang terpilih mewakili TNB Pahang di peringkat kebang-saan," katanya.

Majlis penyampaian ha-diah dilakukan Naib Yang Dipertua Kelab Kilat TNB Kuantan, Asyran Ahmad mewakili Pengurus Besar Te-naga Nasional Berhad (TNB) Pahang, Datuk Shaharuddin Mohd Simin.